

DW 1.5: Membangunkan Produk Pelancongan Baru berkonsepkan *Aqua-Tourism*

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Cadangan berkonsepkan *aqua-tourism* atau pelancongan pusat akuakultur yang menumpukan pusat ternakan atau pembiakan bagi hidupan laut sebagai salah satu produk pelancongan.

Komponen Cadangan:

- Menyediakan fasiliti bagi pelancong yang datang berkunjung seperti kemudahan penginapan.
- Menyediakan aktiviti air yang dapat menarik tarikan pelancong seperti:
 - Obstacles*
 - Jungle Trekking*
 - Abseiling*
 - Survival*
 - Water Confident*
 - Rafting*
 - Flying Fox*

Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan dan pengurusan projek antara agensi awam dan swasta.
- Menaik taraf kawasan perikanan yang berpotensi sebagai produk pelancongan baru.

Jadual 4.1: Senarai Beberapa Kawasan atau Kampung Terlibat bagi Cadangan Pembangunan *Aqua Tourism*

Daerah	Lokasi	Nama Pengusaha
Segamat	1. Felda Chemplak	Aminah Rahmah Agro Farm
	2. Kg. Bangas	Bukit Zahrah Agro Farm
	3. Kg. Sedeng	Santai Desa Kolum Pancing
	4. Kg. Nelayan Tekam	-
	5. Kg. Paya Pulau	-
Muar	6. Kg. Parit Sakai	MF Fishing
	Kg. Parit Keroma Laut	Desa Keroma AgroResort
Tangkak	7. Kg. Nelayan Parit Tiram	Kolum Tiram dan Kupang
	8. Kg. Durian Chondong	Eko Pelancongan Pulau Durian Chondong
	9. Taman Rekreasi Kesang	Menyusuri Sungai Selat Melaka – <i>Kesang River Cruise</i>

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **10 kampung** dan beberapa kawasan berpotensi.

Daerah	Kampung Luar Bandar
Muar	3
Segamat	5
Tangkak	2
Jumlah	10

AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • <i>Tourism</i> Johor • Pejabat Daerah • LKIM 	<ul style="list-style-type: none"> • PBT • Institut Kemahiran • Pemilik Produk

ANGGARAN KOS

- Kos penyediaan taman tema desa bagi setiap daerah (pembinaan bangunan pejabat (30'x40'), ruang niaga, aktiviti, kemudahan dan infrastruktur) = RM 1,000,000 setiap daerah dengan jumlah kos RM 3,000,000.
- Kos Papan Tanda arah/Informasi = RM 10,000 per kampung dengan jumlah kos RM 100,000.
- Kos Pemasaran = RM 25,000 ribu per kampung dengan jumlah kos RM 250,000.
- Kos Kursus peserta = RM 20,000 ribu per kampung sebanyak 2 kali (mengikut fasa) dengan jumlah kos RM 400,000.

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 3,750,000

FASA PELAKSANAAN



Penanda Aras Kajian

Lembah Salam merupakan sebuah pusat akuakultur pelancongan (*Aqua-Tourism*) yang mempunyai fasiliti seperti *Hatchery* (Pusat Pembiakan Ikan dan Udang), Kolam Ternakan Udang Galah, Kolam Mandi, Kolam Pancing Udang Galah, Homestay dan Platform Aktiviti *Outdoor* (*Obstacles, Jungle Trekking, Abseiling, Survival, Water Confident, Rafting, Flying Fox, Interactive Game* dan lain-lain.)



Foto: Pelancong yang datang dapat membeli udang dan ikan yang segar di Lembah Salam
Sumber: *LembahSalam.com*



Foto: Aktiviti Team Building di Lembah Salam
Sumber: *FB LembahSalam*

Sehubungan itu, kawasan tarikan pelancongan di kawasan desa yang berpotensi perlu dibangunkan sebagai kawasan pelancongan berkonsepkan *aqua tourism*. Kawasan ini bukan sahaja akan menjana ekonomi melalui hasil produktiviti perikanan, malahan dapat menjana hasil pendapatan melalui aktiviti pelancongan. Berikut merupakan antara usaha yang dilakukan oleh pengusaha resort (contoh Desa Keroma Eco Resort, Muar) melalui konsep pelancongan *aqua tourism* ini.

***Aqua-tourism package* Desa Keroma Resort, Kg. Parit Keroma Laut, Muar.**



Foto: Aktiviti main lumpur
Sumber: *Laman web www.orangmuo.my*



Foto: Aktiviti mengutip kerang
Sumber: *Laman web www.orangmuo.my*



Foto: Melawat tempat ternakan tiram
Sumber: *Laman web www.orangmuo.my*



Foto: Aktiviti menangkap ikan
Sumber: *Laman web www.orangmuo.my*



Foto: Bersiar-siar menaiki bot
Sumber: *Laman web www.orangmuo.my*



Foto: Melawat tempat ternakan tiram
Sumber: *Laman web www.orangmuo.my*